

TALKING POINTS

**YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
10 MAC 2021**

“PENCAPAIAN SETAHUN MALAYSIA PRIHATIN (MAFI)”

1. Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta pihak media yang saya hormati sekalian. Esok 11 Mac 2021, genaplah setahun saya dan rakan-rakan seperjuangan saya, YB Datuk Seri Ahmad Hamzah dan YB Dato' Che Abdullah menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau lebih dikenali dengan singkatan MAFI.
2. Agak mencabar bagi kami bertiga apabila ketika itu negara kita sedang dilanda penularan pandemik COVID-19, dan industri agromakanan turut menghadapi cabaran besar, khususnya pada peringkat awal pelaksanaan **Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**, di mana kelancaran rantai makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.
3. Namun, MAFI dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab telah memastikan keadaan sentiasa terkawal dan apa yang penting, sepanjang masa, **kita telah memastikan bahawa bekalan makanan untuk rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi dan stabil**. Sektor pertanian dan industri makanan telah diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu dan telah dibenarkan beroperasi sepanjang masa PKP dari peringkat awal sehingga sekarang.
4. MAFI telah mengambil pelbagai pendekatan khususnya untuk **mengurus kekurangan bekalan** serta untuk **mengurus isu lambakan, antaranya:**
 - a. **Pelaksanaan Pasar Segar Terkawal (PST) - 196 lokasi terpilih,**
 - b. **Pelaksanaan Pemasaran Dalam Talian (E-Commerce)** - kerjasama strategik dengan Shopee, Lazada, MyGrocer, Ourshop/Ourfarm Airasia, Dropee dan sebagainya
5. Ini adalah pencapaian yang paling besar untuk kita di MAFI iaitu **kita telah memastikan jaminan sekuriti makanan untuk rakyat sepanjang masa pelaksanaan PKP**. Kita masih belum lagi bebas daripada ancaman COVID-19 ini, dan saya yakin MAFI akan terus memastikan jaminan makanan untuk rakyat dalam apa jua keadaan.

6. Selanjutnya, saya ingin berkongsi 7 Pencapaian Besar Setahun Malaysia Prihatin di MAFI. Antaranya ;
- A. **Pertama**, MAFI meletakkan agenda sekuriti makanan sebagai agenda nasional dengan tertubuhnya **Jawatankuasa Kabinet Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri**. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam meneliti isu-isu berkaitan sekuriti makanan secara menyeluruh dan holistik. Ini merupakan Jawatankuasa Kabinet yang pertama dibentuk di bawah Kerajaan Perikatan Nasional.
 - B. **Kedua**, MAFI juga sedang **Membangunkan Sistem Profil Tanah Sawah Padi** di seluruh negara dan pengurusan maklumat padi. Maklumat profil tanah bagi keseluruhan 350,000 hektar pabel padi akan memudahkan penyediaan formulasi baharu baja bersubsidi serta membolehkan pemantauan keseluruhan rantai nilai padi dan beras dilaksanakan secara atas talian.
 - C. **Ketiga**, MAFI telah menambahbaik proses pengedaran benih padi sah dengan inisiatif-inisiatif yang baharu antaranya MAFI telah melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai **pemborong tunggal dalam program inisiatif benih padi sah dan juga penetapan harga siling benih padi sah pada paras RM35 per beg**. Inisiatif-inisiatif ini dapat mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang serta mengelak dominasi mana-mana pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah secara khususnya, dan sektor padi dan beras secara umumnya. Inisiatif ini memanfaatkan hampir **320 Ribu pesawah** di seluruh semenanjung.
 - D. **Keempat**, pelaksanaan **caruman Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi nelayan iaitu Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri Kepada Nelayan** yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia. Seramai **42 ribu nelayan** menikmati perlindungan PERKESO yang dicarum daripada Elaun Sara Hidup Nelayan ini.
 - E. **Kelima**, selaras dengan pengumuman **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Elaun Sara Hidup Nelayan** juga telah dinaikkan daripada **RM250 kepada RM300 sebulan** yang memanfaatkan lebih **40 Ribu nelayan** dan **Elaun Sara Hidup Nelayan Darat** dinaikkan daripada **RM200 kepada RM250** yang akan memanfaatkan **3,400 nelayan**.

- F. Keenam**, dalam usaha membantu mengurangkan kos sara hidup dan membantu menjamin keselamatan makanan terutamanya kepada golongan B40 di bandar dan pinggir bandar, MAFI telah melaksanakan **Program Pertanian Kebuniti** yang telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Kerajaan telah memperuntukkan lebih **RM30 juta** bagi melaksanakan program ini. Pada tahun 2020, **Program Kebuniti ini telah memberi manfaat kepada lebih 13,524 individu dan 632 komuniti**. Inisiatif ini diteruskan pada tahun ini di bawah **Program Kebuniti 2.0**.
- G. Dan Ketujuh**, bagi menjadikan industri padi dan beras negara lebih kompetitif dan berdaya saing di sepanjang rantai nilai industri, MAFI telah mula melaksanakan **Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB)** yang merupakan kerjasama pintar awam dan swasta antara Kerajaan dan syarikat-syarikat peneraju untuk membangunkan kawasan penanaman padi seluas **150,000 hektar semusim bagi fasa pertama secara berperingkat di Semenanjung Malaysia**. Pelaksanaan *Smart SBB* ini juga akan membantu dalam penyusunan semula pemain industri secara lebih sistematik terutamanya dalam meminima dan menghapuskan penglibatan orang tengah yang dilihat mewujudkan jurang di antara pesawah dan penghasilan serta pemasaran beras. *Smart SBB* ini akan merubah landskap industri padi dan beras negara serta mencapai matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa.
7. Pencapaian yang saya sebutkan ini **hanyalah antara pencapaian utama MAFI**. Terdapat pelbagai lagi kejayaan yang telah kita laksanakan sepanjang tahun 2020, meskipun berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19.
8. Apatah lagi, Kerajaan pada hari ini di bawah **kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat komited** dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambahkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.
9. Kesemua pencapaian dan kejayaan MAFI sepanjang tahun 2020 ini **mustahil dicapai tanpa kerjasama warga Kementerian, Jabatan dan agensi yang komited dan berdedikasi**. Saya yakin dengan sokongan dan komitmen berterusan seluruh **warga MAFI dan pemain industri**, kita akan dapat terus memartabatkan sektor agromakanan dan sekuriti makanan negara serta membela warga tani, penternak dan nelayan secara keseluruhannya.